

Dipacu **Kesungguhan,**  
**Diyakini** Pelanggan

# Rakan Kekayaan **Sepanjang Hayat** Anda

**AHAM Asset Management Berhad ("AHAM Capital")** ialah sebuah firma pengurusan aset dan kekayaan yang dimiliki institusi dan diuruskan secara bebas. Sejak ditubuhkan pada 2001, kami telah diberi kepercayaan oleh pelanggan kami – termasuk syarikat korporat, institusi, dana persaraan, syarikat berkaitan kerajaan, individu bernilai bersih tinggi dan golongan mewah umum – untuk membina dan menguruskan portfolio pelaburan yang berdaya maju tetapi mampu bertahan dalam jangka panjang.


Kami melabur dalam pelbagai kelas aset termasuk ekuiti, pendapatan tetap, instrumen pasaran wang, produk berstruktur dan aset alternatif lain untuk menghasilkan nilai mampan dalam jangka panjang. Dengan menggunakan pakai pendekatan menyeluruh dan bertumpukan pelanggan, platform kekayaan kami memudahkan anda memanfaatkan penyelesaian serantau dan global menerusi pelbagai strategi dan instrumen pelaburan.

Untuk memastikan anda mempunyai bekalan yang secukupnya dalam perjalanan kewangan anda, kami menyediakan penyelesaian kekayaan menyeluruh menerusi pilihan dana unit amanah kami. Dana patuh syariah, penyelesaian pengurusan tunai, dan juga tawaran pengurusan kekayaan terkhusus, seperti mandat persendirian dan khidmat nasihat, yang boleh disesuaikan untuk memenuhi objektif tertentu.

Penyelesaian pelaburan Syariah kami disediakan menerusi anak syarikat milik penuh dan cabang pelaburan Syariah kami, AIIMAN Asset Management Sdn Bhd ("AIIMAN").

## Struktur Pegangan Saham

Sebagai sebuah perniagaan tempatan yang berjaya, kami berbangga dengan hubungan antarabangsa kukuh yang dijalin dengan CVC Capital Partners, pemimpin global dalam pelaburan alternatif dan ekuiti persendirian, sebagai pemegang saham utama. Kami juga mempunyai kerjasama rapat dengan Nikko Asset Management Co., Ltd., pakar terkemuka dalam pengurusan pelaburan Asia. Di samping itu, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, sebuah badan berkanun yang menguruskan dana persaraan bagi anggota Angkatan Tentera Malaysia, merupakan pemegang kepentingan minoriti kami.



## Falsafah Pelaburan

Falsafah pelaburan kami adalah berlandaskan satu prinsip mudah: **melabur hanya dalam apa yang kami yakin dan ketahui**, dengan matlamat menghasilkan nilai yang konsisten dan lestari bagi para pelanggan. Kami menggunakan pendekatan sebagai pemilik untuk memacu proses pelaburan kami, iaitu dengan menguruskan harta kekayaan pelanggan sepertimana kami menguruskan aset kami sendiri.

Pendekatan kami yang berdisiplin dan berlandaskan kekuatan asas membolehkan kami mengharungi pelbagai keadaan pasaran dengan tinjauan jelas dan penuh yakin. Kami menilai peluang dengan teliti, iaitu dengan mengutamakan syarikat-syarikat berkualiti dengan model perniagaan mampan dan pengurusan kukuh. Dengan mematuhi prinsip ini, kami berusaha menghasilkan keputusan pelaburan yang mampan, dan mencipta nilai berkekalan bagi para pelanggan kami.

## Pasukan Pelaburan Kanan

| Pengurus Dana       | Jawatan   | Tahun Pengalaman Pelaburan |          |
|---------------------|---|----------------------------|----------|
|                     |   | Firma                      | Industri |
| Dato' Teng Chee Wai | Pengarah Urusan, AHAM Capital                                       | 24                         | 32       |
| Akmal Hassan        | Pengarah Urusan, AIIAMAN  | 16                         | 26       |
| David Ng            | Timbalan Pengarah Urusan /<br>Ketua Pegawai Pelaburan, AHAM Capital | 22                         | 28       |
| Esther Teo          | Ketua Pegawai, Pendapatan Tetap, AHAM Capital                       | 21                         | 23       |
| Gan Eng Peng        | Ketua Pegawai, Ekuiti, AHAM Capital                                 | 17                         | 31       |

Sumber: AHAM Capital, setakat pada 31 Disember 2024.

## Produk & Perkhidmatan Pelaburan

### Dana Runcit

Rangkaian dana runcit kami meliputi dana unit amanah tempatan dan serantau dalam pelbagai kelas aset, termasuk ekuiti, pendapatan tetap, aset bercampur, REIT, dan aset patuh Syariah. Dana-dana ini direka khas untuk memberikan kemudahan dan prestasi jangka panjang, tanpa mengorbankan aspek kualiti.

### Dana Borong

Ditawarkan kepada individu bernilai bersih tinggi dan pelabur korporat, dana-dana borong kami menyediakan pilihan pelaburan yang meluas dalam struktur dan kelas aset berbeza. Antaranya termasuk ekuiti dan bon biasa, derivatif dan produk berstruktur.

### Penyelesaian Pengurusan Tunai

Penyelesaian pengurusan tunai kami memberi peluang kepada pelabur untuk mengoptimumkan rizab tunai dengan menempatkannya dalam dana tunai yang bertujuan mengatasi prestasi kadar deposit biasa. Penyelesaian ini disusun rapi supaya bersifat fleksibel dan cekap dengan tahap kecairan yang tinggi.

### Perkhidmatan Pengurusan Portfolio

Dengan tumpuan terhadap penyelesaian terkhusus, perkhidmatan pengurusan portfolio kami mengutamakan prestasi pelaburan, pemilikan eksklusif dan pengurusan risiko yang mantap. Perkhidmatan ini dirangka untuk memenuhi matlamat dan keperluan khusus anda, sama ada menerusi kaedah pengurusan budi bicara atau khidmat nasihat.

### Skim Persaraan Swasta (PRS)

Skim pelaburan jangka panjang sukarela yang membantu mengumpul dana persaraan di samping menyokong simpanan dalam skim caruman wajib. Skim ini menyediakan kaedah yang mampan bagi menjamin keselamatan kewangan anda selepas bersara.

### Dana Dagangan Bursa (ETF)

Rangkaian ETF TradePlus kami, yang diperdagangkan di bursa saham Malaysia, menyediakan strategi pasif untuk mendapatkan pendedahan meluas kepada pelbagai pasaran dan indeks bagi membina portfolio yang terpelbagai.

## Perangkaan Penting AHAM Capital



**>RM89 bilion**

Aset Di Bawah Pentadbiran (AUA)



**>430**

profesional yang berkhidmat  
di 8 pejabat seluruh negara



**>55**

profesional pelaburan yang  
meliputi pasaran global,  
serantau dan tempatan



**>RM180 juta**

jumlah pelaburan kakitangan  
dalam dana kami sendiri



**>160**

dana; memberikan pendedahan  
kepada pelbagai kelas aset dan rantau



**>225**

anugerah yang diterima  
bagi prestasi konsisten  
kami sejak ditubuhkan

Sumber: AHAM Capital, setakat pada 31 Disember 2024.

# Hubungi Kami

## AHAM Asset Management Berhad

Nombor Pendaftaran: 199701014290 (429786-T)



Ibu Pejabat : Ground Floor, Menara Boustead, 69, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur, Malaysia



Talian Am : +603 2116 6000 (Antarabangsa)  
Talian Bebas Tol : 1800 88 7080 (Malaysia)



aham.com.my

### Pejabat Wilayah:

|  |  |  |   |
|--|--|--|---|
| <b>Penang</b><br>No. 123, Jalan Macalister<br>Georgetown<br>10450 Penang<br><br>Talian Bebas Tol: 1800 888 377                                     | <b>Perak</b><br>1, Persiaran Greentown 6<br>Greentown Business Centre<br>30450 Ipoh<br>Perak<br><br>Talian Am: +605 241 0668 | <b>Melaka</b><br>Ground Floor, No. 584<br>Jalan Merdeka<br>Taman Melaka Raya<br>75000 Melaka<br><br>Talian Am: +606 281 2890                                     | <b>Johor</b><br>Unit 22-05, Level 22<br>Menara Landmark<br>No. 12, Jalan Ngee Heng<br>80000 Johor Bahru, Johor<br><br>General Line: +607 227 8999 |
| <b>Sarawak - Kuching</b><br>Ground Floor<br>No. 69, Block 10<br>Jalan Laksamana Cheng Ho<br>93200 Kuching, Sarawak<br><br>Talian Am: +6082 233 320 | <b>Sarawak - Miri</b><br>1st Floor, Lot 1291<br>Jalan Melayu, MCLD<br>98000 Miri, Sarawak<br><br>Talian Am: +6085 418 403    | <b>Sabah - Kota Kinabalu</b><br>Unit 1.09(a), Level 1, Plaza Shell<br>29, Jalan Tunku Abdul Rahman<br>88000 Kota Kinabalu, Sabah<br><br>Talian Am: +6088 252 881 |   |

**Penafian:** Kandungan pembentangan ini telah disediakan oleh AHAM Asset Management Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "AHAM Capital") untuk kegunaan kumpulan sasaran khusus, dan untuk tujuan perbincangan sahaja. Semua maklumat terkandung dalam pembentangan ini dimiliki AHAM Capital dan tidak boleh disalin, diedarkan atau disebar dengan cara lain secara sepenuhnya atau sebahagiannya tanpa kebenaran bertulis daripada AHAM Capital. Maklumat yang terkandung dalam pembentangan ini mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada pandangan, analisis, unjuran dan jangkaan (secara bersama dirujuk sebagai "Pandangan"). Maklumat tersebut telah diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk daripada domain awam, dan hanya merupakan pernyataan berasaskan kepercayaan. Walaupun pembentangan ini telah disediakan berdasarkan maklumat dan/atau Pandangan yang dipercayai betul pada masa pembentangan disediakan, AHAM Capital tidak memberikan jaminan secara tersurat atau tersirat terhadap ketepatan atau kelengkapan sebarang maklumat dan/atau Pandangan sedemikian. Seperti sebarang bentuk produk kewangan lain, produk kewangan yang disebutkan di dalam ini (jika ada) mempunyai pelbagai risiko. Walaupun usaha telah dibuat untuk mendedahkan semua risiko yang mungkin dihadapi, produk kewangan mungkin tertakluk kepada risiko terwujud yang timbul di luar jangkaan kami. Produk kewangan ini mungkin langsung tidak sesuai untuk anda, jika anda tidak sanggup menanggung risiko yang timbul daripada dan/atau behubung dengannya. AHAM Capital tidak menjadi penasihat atau ejen kepada mana-mana individu yang menjadi sasaran pembentangan ini. Individu tersebut mesti membuat penilaian bebas sendiri tentang kandungan pembentangan ini, tidak harus menganggap kandungan ini sebagai nasihat berhubung dengan hal ehwal undang-undang, perakuan, percukaian atau pelaburan dan hendaklah berunding dengan penasihat masing-masing. AHAM Capital dan syarikat-syarikat sekutunya boleh bertindak sebagai principal dan ejen dalam mana-mana urusan niaga yang dipaparkan dalam pembentangan ini, atau sebarang transaksi lain berhubung dengan transaksi tersebut, dan hasilnya menerima yuran broker, komisen atau pendapatan lain. Tiada apa dalam pembentangan ini yang bertujuan untuk membuat atau dianggap sebagai tawaran untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan apa-apa sekuriti. AHAM Capital atau mana-mana pengarah, kakitangan atau wakilnya tidak menanggung sebarang liabiliti (termasuk liabiliti kepada mana-mana pihak kerana kecuai, atau salah nyata cuai) daripada sebarang kenyataan, pandangan, maklumat atau perkara (tersurat atau tersirat) yang timbul daripada, terkandung dalam atau dihasilkan daripada atau teringgal daripada pembentangan ini, melainkan liabiliti di bawah undang-undang yang tidak boleh dikecualikan. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Malaysia ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.